



UPM Ketiga Terbaik Antara 20 Laman Web IPTA



UPM menerima trofi dan sijil penghargaan daripada Kementerian Pengajian Tinggi untuk tempat ketiga.

KUALA LUMPUR, 22 Dis – Laman web Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapat tempat ketiga pertandingan laman web kategori Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang disertai oleh 20 IPTA.

UPM membawa pulang trofi dan sijil penghargaan yang telah disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin kepada Ketua Pustakawan UPM, Amir Hussain Mohd Ishak.

Sebanyak lima kategori telah dipertandingkan iaitu kategori Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) / jabatan / agensi di bawahnya, IPTA, Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti.

Penilaian dalam pertandingan laman web 2008 bagi KPT dilaksanakan pada 4 hingga 8 Ogos 2008 lalu di Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam.

Tempat pertama dimenangi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sementara tempat kedua dimenangi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), menyaksikan hanya tiga laman web terbaik IPTA tersebut termasuk UPM berkongsi penarafan empat bintang.

Pengarah Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (IDEC) UPM, Prof. Madya Dr. Suhaimi Napis berkata kemenangan UPM dikongsi bersama pasukan teknologi maklumat UPM dan input maklumat yang diterima daripada Pusat Tanggungjawab (PTJ) UPM bagi mengemaskini laman web itu," katanya.

Beliau berkata perlu ada kategori mengikut kefungsian universiti yang lebih spesifik untuk IPTA tetapi terpulang kepada kementerian untuk memikirkannya.

Katanya pertandingan tersebut akan memberi impak besar kepada IPTA dengan adanya pengiktirafan yang lebih spesifik untuk setiap kategori.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.